


1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi





Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Tinjauan

Asas ekonomi Malaysia kekal kukuh di sebalik persekitaran luar yang mencabar. Kesan daripada krisis gadaian subprima di Amerika Syarikat (AS) telah menyebabkan kejatuhan institusi kewangan besar yang mengakibatkan kemelesetan global paling buruk sejak tahun 1930-an. Bagi menangani impak krisis terhadap ekonomi domestik, Kerajaan memperkenalkan dua pakej rangsangan serta melaksanakan dasar monetari yang akomodatif. Dalam usaha memperkukuhkan asas ekonomi, tumpuan juga diberikan bagi membina kapasiti jangka sederhana dan jangka panjang serta memastikan kesejahteraan rakyat. Berikutan langkah ini, ekonomi negara pada tahun 2009 dijangka menguncup dengan lebih perlahan iaitu 3.0% berbanding ramalan pada awal tahun ini iaitu di antara -4.0% hingga -5.0%.

Berikutan tanda pemulihan ekonomi global, Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada tahun 2010. Strategi Bajet 2010 menyediakan asas ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, memastikan pembangunan holistik dan mapan serta mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Penilaian Prestasi 2009

Bajet 2009 digubal dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu. Oleh kerana perdagangan mencatat hampir dua kali ganda daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Malaysia terus terdedah kepada perkembangan negatif sektor luar. Di dalam negara, timbul kebimbangan terhadap tekanan inflasi dan kemerosotan permintaan global ke atas industri berasaskan eksport. Terdapat tanda-tanda bahawa ekonomi negara terjejas akibat

perkembangan luar dan kesannya semakin ketara selepas Bajet 2009 dibentangkan. Berikutan itu, Kerajaan telah melaksanakan langkah fiskal dan monetari bagi mengurangkan kesan kegawatan ekonomi.

Operasi Fiskal

Berikutan permintaan luar yang jatuh mendadak dan pelaburan swasta yang semakin perlahan, Kerajaan mengambil langkah segera bagi menyokong permintaan tempatan. Bagi tujuan ini, dua pakej rangsangan ekonomi telah dilaksanakan. Pakej pertama berjumlah RM7 bilion telah diumumkan pada 4 November 2008 dibiayai melalui penjimatan daripada subsidi minyak. Keutamaan diberikan kepada program dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi dan kandungan import rendah serta boleh dilaksanakan segera. Jawatankuasa Teknikal dan Unit Pengurusan Projek (PMU) telah ditubuhkan bagi memastikan langkah yang diumumkan dilaksanakan dengan cepat dan berkesan menjelang akhir tahun 2009.

Apabila ekonomi global semakin merosot, pakej rangsangan kedua yang lebih komprehensif bernilai RM60 bilion telah diumumkan pada 10 Mac 2009. Pakej ini melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM10 bilion pada tahun 2009 dan RM5 bilion pada tahun 2010. Ia memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan beban rakyat, mengekalkan aliran kredit bagi menyokong aktiviti sektor swasta, mewujudkan peluang pekerjaan dan latihan serta membina keupayaan pada masa hadapan. Sehingga akhir September 2009, sebanyak RM8.2 bilion telah dibelanjakan bagi kedua-dua pakej rangsangan. Berikutan peningkatan perbelanjaan Kerajaan, KDNK telah menguncup dengan lebih perlahan sebanyak 3.9% pada suku kedua 2009.



Sektor pembinaan yang mendapat manfaat paling ketara kembali mencatat pertumbuhan positif pada suku pertama dan semakin kukuh pada suku kedua 2009. Sektor lain seperti perkhidmatan dan pertanian turut mencatat prestasi yang lebih baik.

Komitmen tambahan pakej rangsangan pada tahun 2009 menyebabkan defisit fiskal meningkat kepada 7.4% daripada KDNK (2008: 4.8%). Defisit ini dibiayai sepenuhnya oleh pinjaman domestik, berikutan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan. Walaupun perbelanjaan lebih tinggi pada tahun 2009, Kerajaan kekal berhemat dalam mengurus sumber kewangan menerusi langkah seperti mengurangkan subsidi minyak, mengurangkan perbelanjaan yang tidak mendesak dan melaksanakan kaedah perolehan yang kompetitif. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 1.4% kepada RM162.1 bilion. Sebahagian daripada pengurangan hasil cukai ditampung oleh peningkatan hasil berkaitan minyak dan hasil bukan cukai. Pada tahun 2009, jumlah keseluruhan perbelanjaan dijangka meningkat 8.9% kepada RM213.7 bilion berikutan peningkatan perbelanjaan pembangunan dan mengurus bagi melaksanakan pakej rangsangan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal akomodatif seperti yang dicerminkan oleh Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang lebih rendah. OPR dikurangkan sebanyak 150 mata asas antara November 2008 hingga Februari 2009 kepada 2.00% sementara SRR dikurangkan sebanyak 300 mata asas kepada 1.00% bagi mengurangkan kos pembiayaan dan mengekalkan aliran kredit.

Sektor Kewangan yang Berdaya Tahan

Sektor kewangan kekal teguh dengan permodalan yang kukuh dan kualiti aset yang terpelihara sementara pasaran bon dan ekuiti menjadi

semakin penting sebagai sumber pembiayaan jangka panjang. Pembiayaan menerusi sistem perbankan dan pasaran modal berkembang dengan kadar purata sebanyak 7.5% antara tempoh 2001 hingga 2008. Dalam kewangan Islam, Malaysia kekal sebagai peneraju dalam penerbitan *sukuk*, menguasai lebih 60% daripada jumlah terkumpul *sukuk* global.

Inisiatif bagi mengukuhkan daya tahan dan daya saing sektor kewangan melalui langkah liberalisasi termasuk pengeluaran lesen baru bagi perbankan konvensional dan Islam serta *takaful* keluarga, meningkatkan had ekuiti asing daripada 49% kepada 70% bagi bank Islam dan bank pelaburan serta syarikat insurans dan *takaful*. Pemansuhan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) berkaitan pemilikan ekuiti, penggabungan dan pemerolehan serta penyenaian syarikat dijangka akan terus merangsang pasaran ekuiti. Subsektor kewangan dan insurans telah berkembang dan sumbangannya kepada KDNK meningkat daripada 9.2% pada tahun 2000 kepada 11.0% pada tahun 2008.

Strategi Bajet 2009

Bajet 2009 dengan tema “Kerajaan Prihatin” adalah berpandukan kepada Misi Nasional. Tiga strategi telah digariskan dengan memberi tumpuan kepada menjamin kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan berkualiti dan memperkukuhkan daya tahan negara.

Menjamin Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan terus memperuntukkan sumber bagi memastikan pertumbuhan yang menyeluruh terutama bagi golongan terpinggir dan mudah terjejas. Antara lain Bajet 2009 memberi tumpuan kepada memperluaskan kredit mikro, memperluaskan jaringan keselamatan sosial, menambah baik infrastruktur luar bandar, menggalakkan tanggungjawab sosial korporat, menambah baik pengangkutan awam, melaksanakan dasar jaminan makanan serta meningkatkan program rumah kos rendah dan mampu milik.



Memperluaskan Program Kredit Mikro

Kemudahan kredit mikro ditawarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN). Selain itu, enam institusi perbankan dan tiga institusi kewangan pembangunan (DFIs) turut menyediakan pembiayaan mikro. Sehingga akhir Julai 2009, AIM berjaya menarik lebih 222,500 ahli yang kebanyakannya wanita serta mempunyai prestasi kutipan balik hutang sebanyak 99%. Peranan AIM telah diperluaskan bagi menangani kemiskinan bandar melalui Program Kewangan Mikro Bandar (PKMB) pada tahun 2008. Program ini dimulakan dengan peruntukan sebanyak RM100.0 juta, di mana sebanyak RM42.1 juta telah diagihkan sehingga akhir Ogos 2009. MARA menyediakan pinjaman sehingga RM50,000 dengan kadar faedah 4.00% setahun. Di antara tahun 2006 dan akhir Julai 2009, sebanyak RM689 juta pinjaman telah diluluskan kepada 27,900 usahawan.

Sejak penubuhannya pada tahun 1999 sehingga akhir Julai 2009, TEKUN telah membiayai pinjaman sebanyak RM1.4 bilion kepada 186,500 usahawan. Di bawah pakej rangsangan kedua, tambahan sebanyak RM50.0 juta telah dikeluarkan kepada 5,032 peserta. Berikutan permintaan yang tinggi, sebanyak RM100.0 juta lagi telah disediakan kepada TEKUN dan seramai lebih kurang 10,000 usahawan dijangka mendapat manfaat daripada program ini. Selain itu, tambahan sebanyak RM300.0 juta disediakan kepada Agrobank bagi membantu petani dan perniagaan berasaskan pertanian. Sehingga akhir September 2009, sebanyak 5,430 pinjaman berjumlah RM96.0 juta telah diluluskan. Sementara itu, jumlah pembiayaan mikro oleh sembilan institusi kewangan meningkat 44.8% kepada RM587.5 juta pada akhir Ogos 2009.

Memperluaskan Jaringan Keselamatan Sosial

Usaha membasmi kemiskinan diperkukuhkan lagi dengan pembangunan sistem maklumat kemiskinan bersepadu atau eKasih. Sistem

ini memudahkan perancangan, pengagihan peruntukan dan pemantauan pelbagai program bantuan sosial kepada keluarga miskin dan pembasmian kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Sehingga akhir September 2009, hampir 49,500 keluarga miskin tegar dan 68,000 keluarga miskin terdapat dalam pangkalan data eKasih. Sementara itu, Projek Cari yang dilancarkan pada Julai 2008 melengkapkan Sistem eKasih melalui pencarian dan pengenalpastian kes-kes terpencil dan tercicir. Sehingga akhir September 2009, sebanyak 270,200 kes telah dilaporkan di mana sebanyak 136,300 layak menerima bantuan.

Menambah Baik Infrastruktur Luar Bandar

Pada tahun 2009, sebanyak RM280.0 juta diperuntukkan bagi projek bekalan air luar bandar. Projek ini dijangka memberi manfaat kepada 47,200 isi rumah. Sehingga akhir September 2009, sebanyak RM97.4 juta telah dibelanjakan. Bagi bekalan elektrik luar bandar, RM525.1 juta diperuntukkan dan akan memanfaatkan 55,700 isi rumah. Sebanyak RM200.0 juta telah dibelanjakan sehingga akhir September 2009. Di bawah pakej rangsangan pertama, sebanyak RM1.4 bilion telah disediakan bagi projek jalan luar bandar, bekalan air, premis perniagaan kecil dan program pembasmian kemiskinan. Lebih daripada 21,000 projek telah dikenal pasti dan sehingga akhir September 2009, sebanyak RM755.8 juta telah dibelanjakan.

Menggalakkan Tanggungjawab Sosial Korporat

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif dan program bagi menggalakkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR). Program Amal Jariah dengan penglibatan sektor swasta telah diperkenalkan pada tahun 2008 dengan memberi tumpuan bagi membaiki rumah usang golongan miskin tegar. Kerajaan telah menyediakan RM100.0 juta sebagai geran sepadan dalam Bajet 2009 untuk membaiki 15,000 rumah. Sehingga akhir September 2009, sejumlah 8,893 rumah telah dibaiki.



Status eKasih dan Projek Cari

Pengenalan

Kerajaan terus komited untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% pada akhir 2010 seperti disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan dijelaskan semula di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan kemiskinan, Kerajaan telah melaksanakan program jaringan keselamatan sosial yang menjangkau pelbagai kementerian dan agensi dengan setiap agensi mempunyai pangkalan data tersendiri untuk memenuhi keperluan program mereka. Sebagai contoh, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menyelenggara pangkalan data kemiskinan luar bandar di bawah Sistem Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumpul data berkaitan kemiskinan bandar bagi Sistem Maklumat Kemiskinan Bandar di kementerian tersebut. eDamak yang digunapakai oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) untuk memantau kemiskinan dikalangan masyarakat Orang Asli. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan eBantuan, satu pangkalan data mengenai pemberian bantuan kebajikan kepada golongan yang kurang bernasib baik. Oleh itu, eKasih dimulakan untuk memastikan wujudnya satu pusat pangkalan data yang seragam bagi program pembasmian kemiskinan.

eKasih

eKasih ialah satu pangkalan data bersepadu mengenai golongan miskin dan mudah terjejas serta individu telah dilancarkan pada November 2007 dan diselenggara oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ianya mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

- menyatukan data mengenai profil isi rumah dan peserta program;
- menyediakan data untuk merancang program pembasmian kemiskinan;
- membantu membina kriteria kelayakan untuk bantuan dan program; dan
- membantu dalam pemantauan dan penilaian.

Kini, satu sistem pemetaan di bawah eKasih sedang dibangunkan untuk mengenal pasti kluster kemiskinan dan memastikan kemudahan, infrastruktur dan bantuan lain, disediakan dengan secukupnya untuk membantu meningkatkan kualiti hidup.

eKasih – Kedudukan Isi Rumah Miskin Mengikut Negeri Pada 30 September 2009

Negeri	Miskin Tegar ¹	Miskin ²	Mudah Miskin ³	Jumlah
Johor	1,502	2,542	5,555	9,599
Kedah	2,228	3,827	6,384	12,712
Kelantan	4,108	7,719	13,718	25,807
Melaka	474	1,157	2,925	4,556
Negeri Sembilan	394	801	3,408	4,618
Pahang	973	1,859	5,766	8,628
Perak	2,099	4,324	7,434	14,107
Perlis	439	1,225	3,290	5,129
Pulau Pinang	645	1,922	8,240	10,817
Sabah	18,295	15,746	13,820	47,862
Sarawak	12,537	14,528	18,740	45,805
Selangor	1,261	2,554	6,210	10,025
Terengganu	4,377	9,322	14,194	28,015
WP. Kuala Lumpur	126	271	860	1,257
WP. Labuan	61	206	514	781
WP. Putrajaya	0	0	5	5
Jumlah	49,519	68,003	111,063	229,723

Pendapatan Garis Kemiskinan

¹ Isi rumah dengan pendapatan bulanan di bawah RM430 di Semenanjung Malaysia dan di bawah RM540 di Sabah dan Labuan serta RM520 untuk Sarawak.

² Isi rumah dengan pendapatan bulanan di bawah RM720 di Semenanjung Malaysia dan di bawah RM960 di Sabah dan Labuan serta RM830 untuk Sarawak.

³ Isi rumah dengan pendapatan bulanan di atas Pendapatan Garis Kemiskinan dan di bawah RM1,500 di kawasan bandar dan RM1,000 di kawasan luar bandar.

Pendapatan Garis Kemiskinan kini adalah dalam semakan.

Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.



Pada akhir September 2009, eKasih telah mengenal pasti dan mendaftar sejumlah 229,723 isi rumah miskin yang terdiri daripada 49,519 miskin tegar, 68,003 miskin dan 111,063 mudah miskin. Untuk memastikan pangkalan data menggambarkan kes yang sebenar, pemimpin setempat dan agensi berkaitan telah membantu menyediakan maklumat yang diperlukan.

Projek Cari

Projek Cari, merupakan program *outreach* telah dilaksanakan oleh JKM mulai 17 Julai 2008 untuk mencari dan mengenal pasti kes golongan kurang bernasib baik yang terpinggir dan terpinggir. Jabatan ini menggunakan Unit Khidmat Penyayang, rujukan oleh wakil rakyat dan ketua kampung serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mencari kes kebajikan yang memerlukan bantuan.

Sasaran Projek Cari:

- i. isi rumah miskin;
- ii. isi rumah yang mempunyai anggota keluarga kurang upaya (OKU) dan sakit tenat;
- iii. orang tua yang terlantar atau tinggal berseorangan; dan
- iv. kanak-kanak yang tidak bersekolah atau tiada dokumen pengenalan diri.

Dengan langkah proaktif ini, kes yang memerlukan bantuan yang sebelumnya tidak dikesan, dapat disediakan bantuan yang bersesuaian seperti elaun wang tunai, *prosthetics* serta perumahan yang lebih baik untuk isi rumah miskin. Ini membolehkan mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Hasil daripada inisiatif ini, jumlah penerima bantuan JKM telah meningkat dari 159,483 kes pada bulan Jun 2008 kepada 295,753 kes pada awal Oktober 2009. Peningkatan jumlah penerima bantuan JKM dalam tempoh tersebut adalah berikutan 136,270 kes baru yang diluluskan daripada 270,187 jumlah kes yang telah dapat dikesan.

Penutup

Pelaksanaan eKasih dan Projek Cari mengukuhkan sistem penyampaian program bantuan sosial dan memastikan golongan kurang bernasib baik tidak tercicir daripada mendapat bantuan dan sokongan yang sepatutnya. Inisiatif ini telah memberi sumbangan ketara kepada usaha pembasmian kemiskinan tegar dan membantu mengurangkan golongan isi rumah miskin.

Kes Projek Cari

Pada 2 Oktober 2009

Negeri	Bil Kes Yang Dikesan	Negeri & Wilayah Persekutuan	Skim Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan						Jumlah Kes		
		Bantuan Am	Kanak-Kanak	Orang Tua	Elaun Pekerja Cacat	BPT ¹	Lain-Lain ²	Jumlah Kes	Diluluskan	Tidak Diluluskan	Dalam Proses
Perlis	2,596	693	239	154	88	149	254	884	1,577	926	93
Kedah	24,266	1,778	3,234	2,640	572	946	2,446	9,838	11,616	12,194	456
P. Pinang	13,498	1,586	1,357	2,288	705	536	314	5,200	6,786	6,068	644
Perak	24,326	2,510	1,983	2,319	1,644	1807	378	8,131	10,641	9,107	4,578
Selangor	21,351	456	3,246	4,213	1,588	1047	814	10,908	11,364	5,471	4,516
WP. K. Lumpur	10,313	2,577	547	763	1,408	271	0	2,989	5,566	1,215	3,532
N. Sembilan	9,901	928	977	1,655	158	209	213	3,212	4,140	2,476	3,285
Melaka	7,726	923	903	1,193	480	169	394	3,139	4,062	2,031	1,633
Johor	18,475	345	2,384	3,988	949	854	564	8,739	9,084	7,214	2,177
Pahang	11,871	1,056	1,167	1,822	568	672	172	4,401	5,457	5,059	1,355
Terengganu	17,108	10,626	1,591	736	796	436	356	3,915	14,541	2,158	409
Kelantan	20,894	2,248	2,908	2,714	865	1011	999	8,497	10,745	8,890	1,259
Sabah	49,888	1,440	5,758	24,247	26	423	0	30,454	31,894	4,315	13,679
Sarawak	37,499	3,005	1,813	2,589	346	471	372	5,591	8,596	13,697	15,206
WP. Labuan	475	73	75	35	10	7	1	128	201	238	36
Jumlah	270,187	30,244	28,182	51,356	10,203	9,008	7,277	106,026	136,270	81,059	52,858

¹ BPT-Pesakit Terlantar dan Berpenyakit Kronik.

² Lain-Lain-OKU tidak bekerja, alat tiruan/sokongan, tabung bantuan segera dan kes bencana.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia.



Program Menggalakkan Kepintaran, Memupuk Bakat dan Mendukung Tanggungjawab (PINTAR) telah dilancarkan pada tahun 2006 sebagai inisiatif CSR oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi meningkatkan kecemerlangan akademik, terutama di kalangan kanak-kanak sekolah luar bandar. Program PINTAR kebanyakannya tertumpu kepada sekolah yang kurang berprestasi di luar bandar. Sehingga kini, 165 buah sekolah telah dijadikan 'sekolah angkat' oleh 22 GLC dan dua syarikat bukan GLC yang memberi manfaat kepada lebih 64,000 pelajar. Berikutan kejayaan ini, program PINTAR akan diperluaskan kepada 480 buah sekolah menjelang tahun 2013 dengan keutamaan diberikan kepada sekolah di Sabah dan Sarawak. Selain itu, fasa pertama Program Sejahtera yang melibatkan 1,000 keluarga miskin tegar telah dilancarkan pada September 2009 dengan GLC menyumbang sebanyak RM40.0 juta.

Menambah Baik Pengangkutan Awam

Dikebanyakan bandar utama di negara maju, nisbah penggunaan pengangkutan awam kepada pengangkutan persendirian adalah tinggi iaitu 40:60 berbanding 16:84 di Lembah Klang. Bagi meningkatkan dan menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan ditubuhkan bagi merancang, mengintegrasikan, mengawal selia dan menambah baik sistem pengangkutan awam secara menyeluruh. Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan dijangka siap menjelang akhir tahun 2010 sementara projek sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) berjalan lancar dengan tambahan trek sepanjang 34.7 km dan 26 stesen baru di Aliran Kelana Jaya dan Ampang. Pembinaan akan bermula pada awal tahun 2010 dan dijangka siap pada tahun 2012.

Melaksanakan Dasar Jaminan Makanan

Pada awal tahun 2008, harga komoditi makanan dunia meningkat berikutan hasil pengeluaran yang merosot dan peralihan penggunaan tanaman makanan kepada biofuel. Perkembangan ini telah membawa kepada pengenalan Dasar Jaminan

Makanan di mana beberapa inisiatif sedang dilaksanakan. Antara langkah yang dijalankan termasuk insentif dan peruntukan tambahan bagi meningkatkan hasil padi, simpanan beras dan pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan ikan. Lima projek berimpak tinggi termasuk Ladang Kontrak, Taman Pengeluaran Makanan Kekal, Pusat Fidlots Nasional, Zon Industri Akuakultur dan Skim Usahawan Agro telah diberi peruntukan tambahan bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

Memperluaskan Program Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik

Usaha menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik, terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah tetap diberi keutamaan. Dalam pakej rangsangan pertama, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah diperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk membina 2,733 Rumah Mesra Rakyat di mana 1,200 rumah disiapkan hingga akhir September 2009. SPNB turut membaiki pulih 4,826 rumah di 15 projek perumahan terbengkalai. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan akan membina 73,251 unit di bawah Program Perumahan Rakyat yang disewa atau dijual. Pada tahun 2009, sebanyak 11,040 unit akan disiapkan manakala 1,914 unit lagi disiapkan pada tahun 2010.

Membangunkan Modal Insan Berkualiti

Kerajaan akan terus melaksanakan program bagi mewujudkan tenaga kerja terlatih dan berdaya saing. Perubahan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan kepakaran dalam sektor berasaskan pengetahuan dan inovasi. Ke arah ini, langkah akan diambil untuk menarik pakar dalam bidang kritikal bagi pembangunan negara.

Peluang Pendidikan Ijazah Lanjutan

Di bawah pakej rangsangan kedua, rakyat Malaysia digalakkan melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah lanjutan di universiti tempatan. Sejumlah RM50.0 juta telah disediakan dalam



program ini bagi membiayai kos pengajian. Sehingga pertengahan September 2009, sebanyak 7,187 pelajar ijazah sarjana dan 452 pelajar kedoktoran falsafah (PhD) mendapat manfaat daripada program ini.

Graduate Employability Management Scheme

Bilangan graduan menganggur yang tinggi tetap diberi perhatian. Bagi meningkatkan peluang graduan mendapatkan pekerjaan, *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)* telah diperkenalkan dengan usaha sama GLC. Di bawah Skim ini, graduan akan menjalani latihan kemahiran 'soft-skills' selama dua bulan setengah diikuti latihan di tempat kerja selama enam bulan. GEMS dijangka melatih seramai 12,000 graduan dalam tempoh dua tahun. Sehingga pertengahan September 2009, sebanyak RM48.4 juta telah dibelanjakan di mana seramai 3,367 graduan telah dilatih dan 1,119 graduan ditempatkan di 273 syarikat dan agensi.

Memupuk Pembangunan Menyeluruh di Kalangan Kanak-Kanak

Kerajaan telah memperkenalkan Program Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) pada tahun 2006 dengan tumpuan diberikan bagi pembangunan holistik kanak-kanak serta penglibatan ibu-bapa dan masyarakat. Program ini yang melaksanakan kurikulum PERMATA telah diberi peruntukan sebanyak RM150.0 juta bagi menaik taraf 478 pusat aktiviti meliputi 18,000 kanak-kanak dengan sokongan 1,200 guru. Sementara itu, Program Permata Pintar Negara yang dilancarkan pada awal tahun 2009 mengenal pasti dan mendidik kanak-kanak pintar melalui kolaborasi antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Johns Hopkins, Amerika Syarikat.

Mewujudkan Peluang Pekerjaan

Beberapa langkah telah diperkenalkan bagi meringankan beban yang dihadapi oleh pekerja yang diberhentikan dan siswazah menganggur

termasuk program latihan oleh Kementerian Sumber Manusia, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Sehingga akhir September 2009, di bawah program latihan dan penempatan, lebih kurang 49,000 peserta akan dilatih dan ditempatkan di pelbagai syarikat. Ketika ini, 19,380 peserta sedang mengikuti latihan. SC dan BNM akan menyediakan program latihan dan sangkutan di tempat kerja kepada 1,000 graduan. Sehingga pertengahan Oktober 2009, hampir 233 graduan sedang dilatih di bawah kedua-dua program ini. Di bawah pakej rangsangan kedua, 50,000 kekosongan akan diisi dan 13,000 peluang pekerjaan tambahan diwujudkan secara kontrak di sektor awam. Sehingga pertengahan Ogos 2009, lebih daripada 23,000 kekosongan dan 10,776 jawatan kontrak telah diisi.

Memperkukuh Daya Tahan Negara

Daya tahan negara diperkukuhkan berasaskan dasar pragmatik yang memberi tumpuan kepada kelebihan daya saing negara dalam bidang kewangan Islam, pelancongan dan industri berasaskan sumber terutama minyak dan gas serta minyak sawit. Syarikat-syarikat Malaysia mampu bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang tersebut.

Persekitaran Bagi Pelaburan Swasta yang Kondusif

Bagi menarik pelaburan swasta, Kerajaan mengumumkan langkah liberalisasi 27 subsektor perkhidmatan tanpa syarat ekuiti. Langkah seterusnya, termasuk pemansuhan garis panduan FIC dan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) sebagai dana ekuiti swasta. Melalui modal permulaan sebanyak RM500.0 juta, Ekuinas akan memberi tumpuan kepada pelaburan dalam sektor yang berkembang pesat dengan usaha sama sektor swasta. Di bawah pakej rangsangan kedua, Danajamin Nasional Berhad ditubuhkan pada Mei 2009 bagi memudahkan sektor swasta memperoleh dana daripada pasaran modal dengan menyediakan insurans jaminan kewangan. Agensi ini dengan modal berbayar sebanyak RM1.0 bilion mempunyai kapasiti bagi memberi perlindungan



insurans sehingga RM15.0 bilion. Pemohon bagi insurans jaminan perlu mempunyai penarafan pelaburan sekurang-kurangnya BBB.

Skim Jaminan Pinjaman

Dua skim telah diperkenalkan di bawah pakej rangsangan kedua, iaitu Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK) dan Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturan Semula Industri (SJPSI) bagi memastikan aliran kredit yang berterusan kepada sektor swasta. Setiap skim jaminan ini akan menjamin pinjaman sehingga RM5.0 bilion. Bagi SJMK, Kerajaan akan menjamin 80% daripada jumlah pinjaman, sementara bagi SJPSI, Kerajaan akan menjamin 80% bagi syarikat yang mempunyai ekuiti pemegang saham kurang RM20.0 juta dan 50% bagi syarikat lain. Institusi kewangan yang terlibat akan menanggung risiko selebihnya. Berikutan permintaan yang menggalakkan bagi skim jaminan modal kerja, jumlah jaminan bagi SJMK dinaikkan kepada RM7.0 bilion manakala jumlah jaminan di bawah SJPSI dikurangkan kepada RM3.0 bilion. Pada akhir September 2009, di bawah SJMK, 23.0% daripada pinjaman disalurkan kepada sektor hartanah dan pembinaan serta 22.0% kepada sektor pembuatan. Sementara itu, di bawah SJPSI, 60.0% daripada pinjaman disalurkan kepada sektor pembuatan.

Memperkukuh Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Memandangkan pentingnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), inisiatif terbaru bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan telah dilaksanakan iaitu Skim Bantuan Kewangan PKS, Skim Bantuan Jaminan PKS dan Tabung Pembiayaan Mikro. Sejumlah RM3.4 bilion telah diperuntukkan dan sehingga akhir Ogos 2009, RM2.2 bilion telah diluluskan kepada 12,938 syarikat.

Mempergiatkan Pembangunan Koridor

Lima koridor wilayah telah dilancarkan secara berperingkat sejak permulaan RMKe-9 bagi mengimbangi pembangunan dan taraf pendapatan

di antara wilayah dan negeri. Di bawah RMKe-9, RM7.5 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan 191 projek di kelima-lima koridor. Bagi tahun 2009, sebanyak RM3.4 bilion telah disediakan. Jangkaan pelaburan awam dan swasta di koridor tersebut berjumlah RM175.1 bilion, melebihi sasaran RMKe-9 sebanyak RM145.0 bilion.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.4 bilion bagi pembangunan infrastruktur di Iskandar Malaysia. Daripada 17 projek, 14 sedang dilaksanakan termasuk projek Lebuhraya Persisiran Johor Baharu – Nusajaya, menaiktaraf Lebuhraya Skudai-Senai dan Persimpangan Bertingkat Bandar Ulu Tiram. Bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), sebanyak RM706.0 juta akan dibelanjakan bagi projek pertanian, pembuatan, pelancongan dan pembangunan kapasiti serta menaik taraf infrastruktur, terutamanya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Sejumlah RM1.6 bilion telah diperuntukkan bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk melaksanakan 82 projek di bawah RMKe-9. Sebanyak 37 projek telah mula dilaksanakan pada tahun 2008 sementara 13 projek telah dimulakan pada separuh pertama tahun 2009 dan 32 projek lagi akan dilaksanakan menjelang 2010. Ini termasuk Pembangunan Ladang Komersial di Lembah Kaprima, Pusat Pembiakan dan Penyelidikan Kambing di Ulu Tersat, kedua-duanya di Terengganu serta Pusat Inovasi dan Penyelidikan Lembu di Muadzam Shah, Pahang. Bagi Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), RM1.3 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan antaranya Projek Agropolitan di Pitas, Kota Belud dan Kemabung serta kluster industri berasaskan minyak sawit. Manakala di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), RM1.5 bilion diperuntukkan bagi projek antaranya pembinaan jalan masuk ke Empangan Murum di Kapit dan Empangan Baram di Miri.

Komitmen pelaburan swasta di Iskandar Malaysia berjumlah RM38.0 bilion yang mana 32.9% telah dibelanjakan sehingga akhir Jun 2009. Projek termasuk Hab Petroleum Asia, taman tema LEGOLAND, hospital dengan 70 katil



dan NewCastle University Medical Malaysia di EduCity. Bagi NCER, projek yang sedang dilaksanakan termasuk estet padi, projek penyembelihan dan pemprosesan daging di Perak. Di ECER, inisiatif swasta termasuk kluster industri berasaskan petroleum, industri automotif dan kluster minyak sawit. Komitmen pelaburan di ECER berjumlah RM24.0 bilion sehingga akhir Julai 2009.

Merealisasi Potensi Pelancongan

Industri pelancongan Malaysia menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan menduduki tangga ke-32 daripada 133 negara dalam Indeks Daya Saing Pengembaraan Dan Pelancongan. Memandangkan pentingnya industri ini, tumpuan diberikan kepada pembangunan bidang berpotensi seperti pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan dan program Malaysia Rumah Kedua-Ku (MM2H) serta usaha mempromosi Malaysia sebagai pusat membeli-belah dan destinasi Mesyuarat, Insentif, Konvesyen dan Pameran (MICE).

Di bawah Pakej Rangsangan Kedua, sejumlah RM200.0 juta telah diperuntukkan bagi menambah baik infrastruktur di lokasi tumpuan pelancong, mempelbagaikan produk pelancongan, meningkatkan program *homestay* serta menganjurkan lebih banyak persidangan dan pameran antarabangsa. Pada awal 2009, Kerajaan telah menilai semula program MM2H untuk menjadikannya lebih menarik dan berkesan, terutama bagi menarik lebih ramai hartawan. Ini termasuk, membenarkan mereka bekerja dalam sektor kritikal dan terlibat dalam perniagaan.

Bidang Keberhasilan Utama Nasional

Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menteri dan ketua jabatan telah ditetapkan bagi mengukur prestasi penyampaian perkhidmatan. Enam NKRA telah dikenal pasti iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, kemiskinan, infrastruktur luar bandar dan pengangkutan awam. Setiap

NKRA ini mempunyai sasaran prestasi tertentu. Pengurangan kadar jenayah akan menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan keyakinan pelabur. Jenayah jalanan akan dikurangkan sebanyak 20% menjelang akhir 2010. Bagi menangani rasuah, penguatkuasaan akan dipertingkatkan sementara dasar dan prosedur perolehan Kerajaan akan dipatuhi. Bagi bidang pendidikan, prasekolah akan digabungkan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Bagi penerima bantuan kebajikan, bayaran akan dibuat pada hari pertama setiap bulan bermula Januari 2010.

Infrastruktur di luar bandar akan dipertingkatkan dengan pembinaan jalan raya sepanjang 2,250 kilometer di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, liputan jalan luar bandar di Semenanjung Malaysia akan diperluaskan. Ini akan memastikan rakyat tinggal dalam lingkungan 5 kilometer dari jalan berturap menjelang tahun 2012. Bekalan air bersih bagi 90% dan liputan elektrik bagi 95% kawasan di Sabah dan Sarawak akan disediakan menjelang tahun 2012. Di Semenanjung Malaysia, 7,000 keluarga Orang Asli akan mendapat kemudahan bekalan elektrik 24 jam menjelang tahun 2012. Pengangkutan awam akan dipertingkatkan bagi memastikan penggunaan pengangkutan awam yang lebih tinggi daripada 16% kepada 25% menjelang akhir tahun 2012. Sehubungan itu, tambahan 35 set kereta api empat gerabak akan mula beroperasi di aliran Kelana Jaya menjelang tahun 2012.

Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Awam

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) telah mencapai peningkatan yang memberangsangkan dalam meningkatkan ketelusan dan menambah baik proses serta prosedur. Antaranya mengurangkan masa urusan eksport dan pendaftaran hartanah, memudahkan e-transaksi dan pelancaran nombor pengenalan tunggal MyID bagi individu dan MyCoID untuk entiti perniagaan bagi menguruskan dengan agensi Kerajaan.



Bidang Keberhasilan Utama Nasional

Pengenalan

Sebagai satu inisiatif utama untuk mentransformasi Malaysia ke arah penyampaian perkhidmatan bertaraf dunia, Kerajaan telah melancarkan satu paradigma baru prestasi dan pencapaian hasil melalui pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). Sebagai keutamaan strategik negara, NKRA ini akan memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan awam yang berasaskan kepada *outcome* selaras dengan kehendak Rakyat.

Prinsip Penyampaian NKRA

Penyampaian NKRA ini adalah berdasarkan kepada empat (4) prinsip utama seperti berikut:

- i. **Rakyat didahulukan** – memberi tumpuan kepada kehendak penting rakyat;
- ii. **Kerjasama antara sektor awam dan swasta** – membangunkan keupayaan bagi pelaksanaan NKRA secara cekap dan berkesan;
- iii. **Penggunaan sumber secara berhemat** – memaksimumkan produktiviti melalui penggunaan sumber secara berkesan; dan
- iv. **Tahap *outcome* yang tertinggi** – menanda aras berdasarkan piawaian antarabangsa.

Komponen NKRA

NKRA ini telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk memantau dan menilai prestasi sektor awam. Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan KPI untuk Menteri Kabinet pada 9 April 2009. Sebanyak enam NKRA telah dikenal pasti bersama dengan Sub-KRA dan KPI yang berkaitan.

NKRA	Sub-KRA	KPI
Mengurangkan Jenayah	▪ Jenayah jalanan ▪ Mengurangkan ketakutan kepada jenayah ▪ Menambah baik prestasi agensi penguatkuasa	▪ Pengurangan kes ragut dan samun tanpa senjata ▪ Peningkatan kadar keyakinan orang awam terhadap keselamatan diri ▪ Mempercepatkan penyelesaian kes jenayah berat di Mahkamah
Memerangi Rasuah	▪ Rasuah Polis ▪ Rasuah Politik ▪ Ganjaran daripada Perolehan	▪ Menambah baik persepsi umum terhadap rasuah
Peluasan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti Dengan Kos Berpatutan	▪ Prestasi murid sekolah rendah yang celik huruf dan tahu mengira ▪ Kefasihan dalam Bahasa Inggeris ▪ Kualiti guru	▪ Purata skor peperiksaan ▪ Tahap kelulusan peperiksaan peringkat antarabangsa ▪ Kualiti pemohon di peringkat kemasukan
Meningkatkan Taraf Hidup Golongan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	▪ Miskin tegar ▪ Miskin ▪ Mudah miskin	▪ Pembasmian miskin tegar ▪ Pengurangan bilangan isi rumah miskin ▪ Peningkatan kadar pemilikan rumah ▪ Peningkatan kadar pendapatan bersih isi rumah



NKRA	Sub-KRA	KPI
Memperkasa Infrastruktur Luar Bandar	- Rangkaian jalan raya - Bekalan air dan pembentungan - Bekalan elektrik	- Peningkatan isi rumah yang menetap dalam lingkungan jarak 5 km dari jalan (jalan turap, jalan batu kerikil) - Peningkatan isi rumah yang mendapat kemudahan bekalan air dan pembentungan - Peningkatan isi rumah yang mendapat kemudahan bekalan elektrik
Menambah Baik Pengangkutan Awam di Bandar (Jangka Sederhana)	- Kualiti perkhidmatan teksi - Kualiti perkhidmatan bas - Laluan keretapi dan liputannya - Kesesakan jalanraya	- Kajian kepuasan pengguna - Perkhidmatan yang tepat pada masa - Faktor bebanan waktu puncak - Purata kelajuan di waktu puncak

Bagi mencapai NKRA tersebut, antara inisiatif utama yang akan dilaksanakan termasuk:-

- i. **Jenayah**
 - Meningkatkan kehadiran polis di tempat awam
 - Memasang Televisyen Litar Tertutup (CCTV) dan mencerahkan kawasan “hotspot” yang kerap berlakunya jenayah
- ii. **Rasuah**
 - Pengisytiharan harta
 - Dasar “Whistleblower”
- iii. **Pendidikan**
 - Prasekolah diwajibkan
- iv. **Isi Rumah Berpendapatan Rendah**
 - Program subsidi yang fokus kepada kumpulan sasaran
- v. **Infrastruktur Luar Bandar**
 - Jaminan Infrastruktur asas
- vi. **Pengangkutan Awam di Bandar**
 - Landasan keretapi baru
 - Penyeragaman tambang dan tiket tanpa tunai (*cashless ticketing*)

Di samping NKRA, setiap Kementerian telah ditugaskan untuk mengenal pasti dan melaksanakan KRA Kementerian (MKRA). MKRA tersebut adalah sejajar dengan NKRA serta merupakan tanggungjawab utama Kementerian berkenaan. Sejumlah 110 MKRA telah dikenal pasti di semua 24 Kementerian yang mana 49% berteraskan rakyat, 28% berasaskan ekonomi, 22% fokus terhadap masa hadapan dan 1% lain-lain.

Unit Penyampaian Pengurusan Prestasi (PEMANDU) telah dibentuk di bawah Menteri Perpaduan Nasional dan Pengurusan Prestasi untuk memacu, mengurus dan memastikan kejayaan pencapaian NKRA. Unit tersebut juga menyediakan garis panduan dan memantau pematuhan dan pencapaian MKRA. Struktur PEMANDU adalah berdasarkan kepada ‘Hybrid Resourcing Model’, merangkumi tenaga kerja terbaik daripada sektor awam dan sektor swasta. Satu *Government Transformation Programme (GTP) Lab* bagi setiap NKRA telah dilancarkan. *Lab* tersebut akan menganalisa NKRA dengan lebih terperinci bagi membangunkan *blueprint* pelaksanaan.

NKRA ini akan menyegerakan momentum bagi mentransformasikan Malaysia daripada sebuah negara berpendapatan sederhana kepada negara yang berpendapatan tinggi ke arah pencapaian matlamat sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.



Mempromosi Sektor Automotif

Bagi menggalakkan pembangunan berterusan sektor automotif tempatan, Dana Pembangunan Automotif sebanyak RM200.0 juta disediakan di bawah pakej rangsangan kedua. Dana ini bertujuan mengkonsolidasi dan merasionalisasi Skim Vendor PROTON, menggalakkan eksport, membina keupayaan dan membiayai skim pinjaman mudah bagi vendor. Konsolidasi dan rasionalisasi skim vendor PROTON dengan peruntukan sebanyak RM60.0 juta dijangka mengurangkan jumlah pengedar daripada 283 kepada 191 menjelang akhir tahun 2009. Bagi skim eksport, sejumlah RM8.3 juta telah diperuntukkan kepada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan beberapa inisiatif termasuk misi khusus bagi eksport dan pembeli berpotensi sedang dilaksanakan. Bagi mengembangkan lagi industri automotif tempatan, skim pelupusan bagi kenderaan melebihi 10 tahun telah dilaksanakan untuk merangsang jualan kereta serta mengurangkan pelepasan karbon. Sehingga akhir Ogos 2009, sejumlah 7,188 kereta telah dilupuskan di bawah skim ini.

Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan inovasi dan kreativiti serta memudahkan akses kepada pengetahuan dan maklumat. Memandangkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah penggerak utama dalam proses ini, sebanyak RM2.4 bilion akan dibelanjakan bagi meningkatkan infrastruktur telekomunikasi di luar bandar. Sementara itu, RM400.0 juta diperuntukkan bagi mempercepatkan lagi projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di bawah kedua-dua pakej rangsangan. Pelaksanaan projek HSBB tertumpu di Lembah Klang, Iskandar Malaysia serta beberapa kawasan perindustrian utama. Telekom Malaysia (TM) akan memulakan ujian percubaan di beberapa premis perniagaan terpilih menjelang akhir tahun 2009 dan pelancaran secara komersial dijangka bermula dalam tempoh suku pertama 2010. Sejumlah 1.3 juta premis di seluruh negara dijangka mempunyai akses kepada HSBB menjelang

akhir tahun 2012. Perkembangan perkhidmatan *Worldwide Interoperability for Microwave Access* (WiMAX) akan melengkapkan projek HSBB dan menyumbang ke arah pencapaian sasaran jalur lebar kebangsaan sebanyak 50% bagi isi rumah menjelang akhir tahun 2010. Galakan cukai disediakan kepada majikan ke atas pembelian peralatan dan penyediaan kemudahan ICT kepada pekerja.

Networked Content Development Grant dan Dana eContent telah ditubuhkan bagi menggalakkan ciptaan, pengeluaran dan pengedaran kandungan yang kreatif, asli dan berpotensi bagi pasaran domestik dan antarabangsa. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) telah melancarkan Dana *MSC Malaysia Animation and Creative Content (MAC3) Co-Production* bernilai RM75.0 juta pada bulan Ogos 2009, bertujuan menggalakkan penerbitan bersama antara syarikat tempatan dan asing bagi bidang animasi dan permainan.

Menggalakkan Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan

Penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) produk dan perkhidmatan adalah sangat penting bagi menggerakkan ekonomi dalam rantai nilai yang lebih tinggi. Tiga dana utama telah diwujudkan bagi mempromosi R&D&C, iaitu *Sciencefund*, *Technofund* dan *Innofund*. Dana ini bertujuan meningkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta serta meningkatkan keupayaan dan kapasiti R&D&C negara. Kerajaan telah menyediakan dana sebanyak RM2.7 bilion bagi program tersebut. Sejak Januari 2006 hingga pertengahan Ogos 2009, sebanyak 3,831 projek berjumlah RM2.6 bilion telah diluluskan.

Membiayai Syarikat Berinovasi

Syarikat modal teroka dapat menangani masalah pembiayaan yang dihadapi oleh syarikat baru yang berasaskan teknologi dan pengetahuan. Di samping itu, bilangan syarikat modal teroka yang signifikan adalah penting bagi menggalakkan pertumbuhan syarikat berinovasi. Bagi menggalakkan lagi



industri ini, Kerajaan telah menyediakan galakan cukai untuk memudahkan pelaburan oleh syarikat modal teroka. Beberapa dana modal teroka awam telah diwujudkan bagi menyokong dana swasta. Dana awam berjumlah RM6.9 bilion menawarkan pembiayaan hutang dan ekuiti kepada syarikat berasaskan teknologi dan pengetahuan di pelbagai peringkat pertumbuhan. Sehingga akhir Jun 2009, sejumlah RM4.9 bilion telah diluluskan kepada 937 pemohon terutama dalam bidang ICT, bioteknologi dan sains hayat.

Memperkukuh Infrastruktur Lapangan Terbang

Beberapa projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secara *off-budget* termasuk pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) yang baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Bangunan LCCT akan dibina dengan kos RM2.0 bilion dan akan mula beroperasi pada bulan September 2011. Projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang berjumlah RM250.0 juta dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2011. Antara lapangan terbang antarabangsa lain yang sedang dinaik taraf termasuk di Kuching dan Kota Kinabalu. Lapangan terbang di Batu Berendam, Melaka dan Kota Bharu, Kelantan juga dinaik taraf.

Prestasi Ekonomi 2009

Ekonomi menguncup dalam tempoh separuh pertama 2009 berikutan permintaan luar yang lembap. Eksport jatuh mendadak sebanyak 16.3%. Berikutan pendapatan boleh guna yang lebih rendah dan perbelanjaan terkawal oleh isi rumah, penggunaan swasta turut merosot. Seterusnya, pelaburan merosot dengan ketara dan ekonomi menguncup 5.1% dalam tempoh yang sama.

Dalam tempoh separuh kedua 2009, ekonomi dijangka bertambah baik berikutan pemulihan beransur-ansur dalam sektor luar dan impak kedua-dua pakej rangsangan. Bagi tahun ini, KDNK dijangka menguncup 3.0%. Sektor perkhidmatan

dan pembinaan dijangka menjadi penyumbang utama aktiviti ekonomi. Dari sudut permintaan, ekonomi akan disokong oleh pelaburan awam dan penggunaan swasta. Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal dijangka menguncup 4.8% kepada RM681.0 bilion, dengan pendapatan per kapita menyusut 6.7% kepada RM24,055 (2008: 11.9%; RM25,784). Dari segi pariti kuasa beli (PPP), pendapatan per kapita dijangka merosot 14.7% kepada USD12,826 pada tahun 2009 (2008: 13.7%; USD15,040).

Pengurusan Ekonomi 2010

Terdapat persamaan pandangan bahawa ekonomi global kembali stabil berikutan tanda pemulihan dalam tempoh separuh kedua 2009. Walau bagaimanapun, masih terdapat kebimbangan terhadap risiko seperti pengangguran yang tinggi, perbelanjaan penggunaan swasta yang lembap, perkembangan kredit yang perlahan, pelaburan korporat yang rendah dan impak perbelanjaan pakej rangsangan yang semakin berkurangan. Faktor-faktor ini boleh melambatkan proses pemulihan. Di peringkat domestik, cabaran adalah untuk merencanakan pelaburan, menjamin kebajikan rakyat serta mengurus perbelanjaan yang meningkat dalam konteks pengurangan hasil tanpa menjejaskan kecekapan Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan.

Isu dan Peluang

Sistem Kewangan Antarabangsa yang Lebih Berdaya Tahan dan Stabil

Pergolakan dalam sistem kewangan ekonomi maju menular dengan pantas dalam ekonomi sebenar dan menyebabkan kemelesetan global yang teruk. Berpandukan pengalaman daripada krisis kewangan Asia 1997/98, Malaysia berada dalam kedudukan lebih baik untuk menangani kesan kegawatan ini. Sistem perbankan kekal kukuh dan pasaran kredit terus berfungsi dengan baik. Namun, dalam suasana ekonomi global yang semakin berhubung kait, perkembangan dan keputusan dasar yang diambil oleh sesebuah negara boleh memberi implikasi sistemik di



seluruh dunia. Menyedari hakikat ini, Malaysia terus berdialog dengan komuniti antarabangsa melalui forum multilateral dan serantau serta menyuarakan keperluan satu sistem kewangan antarabangsa yang lebih stabil dan berdaya tahan. Ini adalah penting bagi menangani sebarang gangguan sistemik pada masa hadapan serta memastikan kestabilan ekonomi makro.

Memanfaatkan Prospek Pertumbuhan Asia

Dalam jangka masa panjang, permintaan dijangka beralih ke Asia. Sementara AS dan Eropah kekal sebagai sumber utama permintaan penggunaan, ASEAN, China, India dan Timur Tengah akan lebih menonjol berikutan prospek pertumbuhan KDNK yang lebih pesat. Malaysia berpotensi dalam menghubungkan aliran perdagangan antara timur dan barat. Malaysia perlu mewujudkan kelebihan nilai yang unik bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI). Hubungan perdagangan akan lebih tertumpu kepada rantau Asia dan syarikat tempatan digalakkan untuk mengembangkan pasaran dan jenis produk.

Menetapkan Asas Bagi Ekonomi Berpendapatan Tinggi

Kerajaan komited bagi merubah Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Peralihan ini bersandarkan kepada kemampuan untuk berinovasi, kreatif dan bergerak ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Asas utama bagi faktor ini adalah pengetahuan dan teknologi. Ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran analisis yang mantap serta minda ingin tahu.

Bagi memudahkan peralihan ini, beberapa bidang di mana Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif telah dikenal pasti. Ini termasuk kewangan Islam, industri halal, industri berasaskan sumber dan pelancongan. Selain itu, syarikat Malaysia turut mempunyai kelebihan dalam aktiviti minyak dan gas, perladangan dan pembinaan yang dapat diperkukuhkan lagi dan dipromosikan di peringkat global. Kerajaan menyedari beberapa isu termasuk

modal insan, pengurusan fiskal, liberalisasi dan pelaburan swasta harus ditangani bagi menyokong proses pemulihan dan menyediakan asas bagi peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Cabaran Modal Insan

Ekonomi terus bergantung kepada pekerja kurang mahir yang menyebabkan pertumbuhan produktiviti dan tahap gaji yang rendah. Tahap kemahiran dan pendidikan tenaga kerja harus dipertingkatkan. Masalah graduan dalam mendapatkan pekerjaan terus menjadi kebimbangan berikutan ramai graduan yang menganggur bagi jangka masa panjang atau bekerja dalam bidang yang memerlukan kemahiran rendah.

Memandangkan sebahagian besar tenaga buruh hanya memiliki pendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia, peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi akan lebih mencabar. Bagi peralihan ini, usaha perlu diambil untuk meningkatkan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi untuk memenuhi keperluan ekonomi baru. Selain daripada infrastruktur dan akses kepada pendidikan dan latihan, komponen penting dalam sistem pendidikan adalah kualiti guru. Walaupun kriteria pemilihan lebih ketat, persekitaran kerja dan skim ganjaran yang lebih baik, bidang perguruan tidak menjadi profesion pilihan bagi graduan cemerlang. Sehubungan itu, kekurangan minat terhadap profesion perguruan sebagai kerjaya perlu ditangani. Selain itu, keupayaan untuk menjana pengetahuan tidak menunjukkan peningkatan seperti mana yang dicerminkan oleh pendaftaran paten dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang rendah. Ini berpunca daripada kekurangan pekerja mahir dan berpengetahuan. Pada masa yang sama, perlu ada peningkatan dalam bilangan pekerja mahir dan teknikal untuk menyokong industri bernilai tambah tinggi. Pelajar sekolah menengah tidak mengangap bidang kemahiran dan vokasional sebagai pilihan walaupun ia mempunyai prospek kerjaya yang cerah. Ketidakseimbangan antara keperluan dan penawaran pekerja berkemahiran tinggi harus ditangani.



Kehadiran pekerja asing kurang mahir di negara ini dalam jumlah yang besar tidak menggalakkan majikan untuk meningkatkan teknologi, membayar gaji yang lebih baik atau melaksanakan langkah peningkatan produktiviti. Peraturan sedia ada berkaitan sumber manusia lebih memihak kepada pekerja asing yang kurang mahir. Terdapat keperluan bagi kepakaran asing, terutama dalam industri berasaskan pengetahuan dan teknologi yang berkembang pesat. Walaupun prosedur bagi pengajian ekspatriat dipermudahkan, ia masih boleh diperbaiki lagi.

Pengurusan Fiskal Berhemat

Pemberian insentif dan pengecualian cukai telah menjejaskan asas percukaian. Selain itu, sumbangan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah hasil keseluruhan telah meningkat. Ini menjadikan hasil negara mudah terjejas oleh ketidakpastian harga minyak dunia. Komitmen subsidi minyak dan gas asli menyukarkan lagi ruang fiskal yang sedia terhad. Meskipun dengan faktor tersebut, Kerajaan tetap melaksanakan rancangan konsolidasi. Defisit fiskal telah dikurangkan secara progresif daripada 5.3% pada tahun 2002 kepada 3.2% pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, defisit fiskal meningkat kepada 4.8% pada tahun 2008. Mengambil kira perbelanjaan tambahan di bawah pakej rangsangan, defisit dijangka meningkat lagi kepada 7.4% pada tahun 2009. Kerajaan sedia maklum impak belanjawan defisit yang berterusan dan peningkatan hutang terhadap kemapanan fiskal. Proses konsolidasi fiskal akan kembali dilaksanakan setelah ekonomi bertambah kukuh.

Liberalisasi ke Arah Ekonomi yang Berdaya Saing

Malaysia komited terhadap liberalisasi secara progresif dalam beberapa sektor ekonomi seiring dengan ASEAN *Economic Community Blueprint* bagi aliran barangan, perkhidmatan dan modal yang lebih bebas menjelang tahun 2015. Malaysia dijangka mendapat manfaat yang ketara hasil daripada liberalisasi perkhidmatan dengan

memanfaatkan peluang di pasaran serantau. Proses ini akan dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan syarikat tempatan sedia bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Keperluan Terhadap Pelaburan Berimpak Tinggi

Sebelum krisis kewangan Asia, pelaburan swasta merupakan sumber pertumbuhan utama dan telah berkembang secara purata 21.4% dalam tempoh 1990–1997. Sejak itu, pertumbuhan swasta semakin sederhana dengan kadar purata 9.4% antara 1998 hingga 2008. Beberapa faktor menyumbang kepada tahap pelaburan yang rendah termasuk: gangguan pasaran, penglibatan Kerajaan yang ketara dalam sektor ekonomi, kekurangan pekerja mahir terutama dalam bidang teknikal, kekurangan pelaburan R&D, tahap produktiviti yang rendah dan beban kawal selia serta isu jenayah dan keselamatan. Isu-isu ini harus ditangani secara komprehensif bagi menarik pelaburan dengan memberi tumpuan kepada persaingan, modal insan, persekitaran perniagaan yang lebih mudah, faktor institusi dan infrastruktur yang mencukupi.

Respons Strategik 2010

Bajet 2010 meletakkan asas bagi pembentukan model ekonomi baru dan penggubalan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ia memberi fokus kepada menggerakkan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dengan memperkukuhkan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan, melahirkan tenaga buruh yang berkemahiran dan berpengetahuan, mengembangkan aktiviti R&D serta menggalakkan inovasi dan kreativiti. Ke arah ini, keutamaan akan diberikan kepada usaha mewujudkan persekitaran kondusif bagi perniagaan dan keusahawanan untuk terus maju dalam suasana yang lebih liberal dengan disokong oleh dasar pro-pasaran. Kerajaan juga komited untuk mengkonsolidasi kedudukan fiskal bagi mewujudkan fleksibiliti fiskal. Seajar dengan konsep 1Malaysia dan



sasaran NKRA, kebijakan masyarakat akan tetap diberi keutamaan. Sehubungan itu, Bajet 2010 digubal dengan tema “1Malaysia Kemakmuran Bersama” dan disokong oleh tiga strategi iaitu memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, memastikan pembangunan holistik dan mapan serta mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi

Mempergiat Pelaburan Swasta

Kerajaan komited untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam ekonomi. Ini dapat dicapai dengan menambah baik suasana pelaburan. Halangan kepada pelaburan termasuk dasar, peraturan, syarat dan prosedur akan dikaji semula. Pelbagai peluang akan diwujudkan kepada sektor swasta dengan menarik pelabur asing memiliki ekuiti di syarikat tempatan dan menggalakkan projek usaha sama. Dalam gelombang kedua penswastaan, beberapa agensi Kerajaan terpilih akan diswastakan. Selain itu, insentif khusus akan terus disediakan bagi menarik pelaburan dalam koridor pertumbuhan.

Sektor kewangan akan dipertingkatkan bagi memudahkan perantaraan yang lebih efisien. Sehubungan itu, langkah akan diambil bagi meningkatkan akses, mengurangkan kos transaksi serta menggalakkan aktiviti broker saham dan pemerolehan dana. Kerajaan juga akan menangani isu berkaitan insurans kenderaan bermotor bagi memastikan liputan insurans asas mampu dimiliki. Selain itu, aktiviti pinjaman wang akan dikawal selia dan dipantau dengan lebih ketat bagi melindungi pengguna.

Penekanan Kepada Teknologi Hijau dan Inovasi

Strategi yang digariskan dalam Dasar Teknologi Hijau Negara akan direalisasikan dengan penggubalan pelan pelaksanaan yang terperinci. Memandangkan teknologi hijau adalah satu bidang pertumbuhan khusus, Kerajaan akan menyokong pembangunan bidang ini melalui pelbagai insentif, termasuk galakan cukai dan pinjaman mudah bagi

menggalakkan R&D serta menyediakan rangka kerja perundangan dan peraturan. Kerajaan juga akan menerajui penggunaan teknologi hijau di kemudahan awam termasuk dalam rekaan dan penggunaan bahan yang mesra alam.

Selaras dengan komitmen ke arah penggunaan teknologi hijau dalam menangani isu perubahan iklim, Kerajaan akan menggalakkan pemilik bangunan untuk mengubah kepada “bangunan hijau”. Putrajaya dan Cyberjaya akan menggunakan “konsep hijau” bagi membuktikan kesesuaian konsep tersebut.

Ekosistem bagi menggalakkan pembiayaan syarikat berasaskan inovasi, R&D dan pengetahuan akan diperkukuhkan. Insentif akan ditingkatkan bagi menambah bilangan syarikat modal teroka termasuk syarikat milikan asing. Pelbagai geran dan dana R&D akan diselaraskan. Aktiviti inovasi akan digalakkan melalui penubuhan Pusat Inovasi Negara yang berperanan memberi khidmat nasihat dan menjalankan aktiviti pembangunan.

Menggalakkan Bidang Pertumbuhan Khusus

Pelaburan dalam bidang pertumbuhan khusus seperti kewangan Islam, industri halal, pelancongan, ICT, bioteknologi dan industri berasaskan sumber akan dipromosikan dengan lebih agresif. Sehubungan itu, insentif disediakan bagi pembangunan industri kandungan kreatif termasuk animasi serta latihan bagi meningkatkan bilangan pakar tempatan.

Pertanian Bernilai Tambah Tinggi

Teras utama pembangunan sektor pertanian adalah untuk menjadikan sektor ini sebagai salah satu sumber pertumbuhan ekonomi yang utama. Ke arah ini, tumpuan akan diberikan kepada akuakultur, penternakan burung walit bagi menghasilkan sarang burung, florikultur, perikanan laut dalam dan pengeluaran rumpai laut. Infrastruktur rantai pembekalan makanan akan turut diperhebat dengan meningkatkan sistem pengedaran dan eksport. Program bagi membimbing usahawan agro akan turut diperkukuhkan.



Memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana

Kerajaan komited dalam membangunkan sektor PKS yang kukuh dan berdaya saing. Beberapa insentif telah disediakan bagi menggalakkan PKS memodenkan dan meneruskan operasi dalam suasana perniagaan yang semakin sengit. Selain itu, pelbagai geran dan skim pinjaman PKS akan dirasionalisasikan bagi meningkatkan akses dan keberkesanan. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha meningkatkan kemahiran usahawan dalam bidang perniagaan dan pengurusan.

Memastikan Pembangunan Holistik dan Mapan

Memperkukuh Pembangunan Modal Insan

Kerajaan akan memastikan tumpuan sewajarnya diberikan kepada pembangunan modal insan dengan memberi penekanan kepada pendidikan. Sasaran NKRA bagi pendidikan adalah mengarusperdanakan prasekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan dan memastikan murid dapat membaca, menulis dan mengira sebelum memasuki tahun empat. Selain itu, 80% daripada kanak-kanak akan mempunyai akses kepada prasekolah dan 100 buah sekolah akan dibangunkan sebagai pusat berprestasi tinggi menjelang tahun 2012. Sumber akan digembleng bagi meningkatkan peluang graduan mendapatkan pekerjaan. Di samping itu, latihan teknikal dan vokasional akan dipertingkatkan dan dipromosikan. Kurikulum dan program *internship* di universiti dan institut latihan akan mendapat lebih banyak input daripada industri dengan tumpuan diberikan kepada *soft skills*. Kolaborasi R&D antara universiti dan industri akan dipergiatkan. Insentif akan disesuaikan bagi menarik minat golongan terbaik menyertai profesion perguruan untuk membantu sekolah sedia ada berubah kepada institusi berprestasi tinggi.

Bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam, program latihan di institut pusat latihan awam akan dikaji semula. Institusi latihan awam akan digalakkan untuk bekerjasama dengan institusi latihan terkenal

dunia. Penjawat awam akan didedahkan kepada latihan lanjutan kepimpinan, penggubalan dasar dan pelaksanaan, pemantauan, penguatkuasaan serta penilaian program sektor awam.

Memperluas Program PERMATA

Program PERMATA berjaya membentuk budaya pembelajaran serta pembangunan emosi dan intelektual yang baik. Program ini akan dikembangkan terutama kepada kawasan luar bandar bagi memberi permulaan awal dan merapatkan jurang prestasi antara luar bandar dan bandar. Di bawah Program PERMATA Pintar Negara, sebuah sekolah khas bagi kanak-kanak pintar dijangka beroperasi pada tahun 2011. Selain itu, beberapa program PERMATA bagi membimbing kanak-kanak berbakat dalam bidang seni, memupuk nilai-nilai moral dan keagamaan untuk remaja akan disokong oleh Kerajaan.

Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

Bajet 2010 akan menyokong aktiviti ke arah pencapaian NKRA dan KRA peringkat Kementerian. Pelaksanaan NKRA akan diterajui oleh Unit Penyampaian dan Perkhidmatan Prestasi (PEMANDU) yang baru dilancarkan. Unit ini akan menyelaraskan semua aktiviti berkaitan pencapaian matlamat NKRA, membangunkan mekanisme pemantauan yang telus serta *road-map* pelaksanaannya. Usaha pembaharuan dan penambahbaikan penyampaian secara menyeluruh akan menjadi sebahagian daripada *road-map* ini. Selain daripada enam NKRA, PEMANDU akan memberi tumpuan kepada 1Malaysia dan Perpaduan. Mekanisme penyampaian perkhidmatan sektor awam akan turut diperkemaskan. Penambahbaikan pentadbiran yang dibuat oleh PEMUDAH akan diperluaskan. Peraturan dan syarat akan terus dipantau dan dikaji semula bagi meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan. Usaha akan dibuat bagi meningkatkan persepsi dan keyakinan terhadap institusi awam, terutama agensi penguatkuasaan.



Pengurusan Fiskal Yang Lebih Fokus

Dasar fiskal akan lebih tertumpu kepada memastikan pengurusan hasil yang efisien dan perbelanjaan *value-for-money*. Alternatif pembiayaan baru termasuk meningkatkan kerja sama awam-swasta, *monetisation* aset dan penjualan pegangan ekuiti secara berperingkat akan dipertimbangkan. Pengurusan hasil akan lebih tertumpu kepada memperluaskan asas hasil. Kawalan kos dan perbelanjaan akan memberi tumpuan kepada pematuhan Garis Panduan Jawatankuasa Standard dan Kos bagi memastikan *value-for-money*. Selain itu, struktur subsidi minyak akan dikaji semula bagi memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Proses belanjawan akan diperkemas dengan keutamaan diberikan kepada pencapaian yang sejajar dengan matlamat negara dan NKRA. Kerajaan juga akan kembali meneruskan peranannya dalam menyokong sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan setelah ekonomi pulih dan lebih stabil.

Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat

Kesejahteraan rakyat akan terus menjadi fokus dasar awam dan program Kerajaan. Pembasmian kemiskinan akan terus diberi perhatian dan peruntukan sewajarnya. Rakyat terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak akan mendapat akses yang lebih baik kepada bekalan air bersih, elektrik, pendidikan dan kemudahan kesihatan selari dengan sasaran NKRA bagi infrastruktur. Penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi akan dipertingkatkan melalui program latihan keusahawanan dan kemahiran. Bagi memudahkan wanita bekerja, Kerajaan akan menggalakkan majikan untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja. Isu jenayah dan keselamatan menjadi kebimbangan utama rakyat. Penyelarasan antara agensi penguatkuasaan akan diperkemas bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan terutama di kawasan kerap berlaku jenayah. Pengangkutan awam akan dipertingkatkan lagi dengan penubuhan SPAD yang berfungsi sebagai badan tunggal bagi

menyelaras pembangunan pengangkutan awam yang bersepadu di Lembah Klang. Badan ini akan menangani pelbagai isu, termasuk ketepatan masa, keselesaan, keselamatan, kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) dan integrasi dengan mod pengangkutan yang lain.

Corak demografi telah berubah sejak sekian lama dengan dua per tiga daripada penduduk tinggal di kawasan bandar. Perkara ini memberi tekanan kepada keperluan perkhidmatan seperti pengangkutan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan kemudahan lain di kawasan bandar. Selain itu, taraf pendapatan sebilangan besar penduduk bandar tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang tinggi di bandar. Kerajaan akan menangani isu ini dengan menambah pembinaan rumah mampu milik, kemudahan awam dan sistem pengangkutan bandar.

Prospek 2010

Berikutan permintaan domestik dan luar yang bertambah baik, dasar fiskal yang berhemat dan langkah memperkukuhkan proses pemulihan dalam Bajet 2010, ekonomi dijangka tumbuh di antara 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2010 dengan disokong oleh pelaburan dan penggunaan swasta. Pendapatan per kapita nominal dijangka meningkat 2.5%, daripada RM24,055 pada tahun 2009 kepada RM24,661 pada tahun 2010 atau dari segi pariti kuasa beli daripada USD12,826 kepada USD13,177. Dengan pengurangan perbelanjaan awam, defisit fiskal dijangka mengecil kepada 5.6% daripada KDNK. Defisit akan dibiayai menerusi pinjaman domestik. Imbangan pembayaran dijangka kekal memberangsangkan dengan akaun semasa mencatat lebihan bagi 13 tahun berturut-turut. Lebihan akaun semasa yang merupakan 12.6% daripada KDNK disumbangkan oleh akaun barangan dan perjalanan. Perkembangan ini seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan menyediakan asas kukuh bagi peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

